

Atasi 40 pasukan dari IPT awam, swasta

UiTM johan debat keamanan

Oleh **SOFIAN BAHAROM**

sofian.baharom@utusan.com.mu

KUALA LUMPUR 4 Mac - Universiti Teknologi Mara (UiTM) muncul johan pertandingan Debat Keamanan Ala Presiden Antara Universiti Piala Menteri Pengajian Tinggi di Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) di sini malam ini.

Kemenangan itu melayakkan UiTM yang diwakili oleh Mohd. Norsadiq Mohd. Yusof, 22, membawa pulang RM10,000, piala pusingan dan sijil.

Naib johan dimenangi Universiti Malaysia Pahang (UMP) menerusi wakilnya, Qusyairi Hashim, 22, yang menerima RM8,000 serta sijil.

Dalam pertandingan debat yang mengetengahkan usul "Jika saya Presiden Amerika Syarikat (AS), saya cadangkan Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dibubarkan" tersebut, UiTM bertindak selaku pembangkang manakala UMP berperanan sebagai penyokong.

Tempat ketiga pertandingan yang disertai sebanyak 40 pasukan mewakili institusi pengajian tinggi (IPT) awam dan swasta dari seluruh negara, disandang bersama oleh Uni-



versiti Putra Malaysia (UPM) dan Universiti Teknologi Petronas (UTP).

UPM dan UTP masing-masing memperoleh wang tunai RM3,000 dan sijil.

Hadiah pertandingan anjuran Kementerian Pengajian Tinggi Majlis Alumni Debat Universiti Malaysia (MADUM) dan UPNM itu disampaikan oleh Ketua Pengarah Jabatan Pengajian Tinggi, Datuk Prof. Dr. Rujhan Mustafa.

Yang turut hadir, Naib Canselor UPNM, Leftenan Jeneral Datuk Al-latif Mohd. Noor.

Utusan Malaysia merupakan akhbar rasmi pertandingan tahunan bertemakan *Mahasiswa Adalah Keamanan*.

Sementara itu, Rujhan dalam ucapannya berkata, pertandingan debat tersebut mampu melahirkan pelajar yang matang dan produktif. "Penganjuran pertandingan ini



MOHD. Norsadiq Mohd. Yusof (kanan) dan Adzlan Qushaimi Jamaluddin bersama Piala Menteri Pengajian Tinggi, selepas menjuarai Debat Keamanan antara IPT di Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) di Sungai Besi malam tadi.

- UTUSAN/MOHD. NOOR MAT AMIN

dapat melahirkan jiwa individu-individu bertanggungjawab dalam memelihara keamanan negara.

"UPNM dilihat komited dalam membawa pertandingan ini ke satu tahap yang lebih tinggi. Saya harap

pertandingan ini terus menjadi platform mempromosikan amalan insaniah dan integriti," katanya.